

Untuk Siaran Segera

Panasonic memperkenalkan ‘Fashion Movie Camera’ untuk Lumix, rangkaian Kamkoder HD penuh (full HD) dan kad memori berkapasiti lebih besar dan berkelajuan tinggi bagi Suku Tahun Pertama 2010

Mempamerkan rangkaian ciri-ciri kamera Lumix dan Kamkoder HD penuh (full HD), ideal untuk rakaman mudah alih dan kualiti Definisi Tinggi (HD), dan kad memori 48GB & 64GB

Kuala Lumpur, 3 Februari 2010 – Panasonic Malaysia Sdn Bhd hari ini mengumumkan pengenalan tigabelas model kamera digital LUMIX terbaru yang berkonsepkan kamera fesyen bergaya, lapan model kamkoder dan dua kad memori SDXC 48GB dan 64GB untuk suku pertama bagi tahun 2010.

Kamera Lumix terbaru dengan definisi tinggi

Barisan model Lumix 2010 bermula dari **siri F** – F2 (10 mega piksel) dan F3(12 mega piksel); **siri FH** – FH1 (12 mega piksel) dan FH3 (14 mega piksel) dengan 5x zoom optikal; model zoom tinggi FH20 dan FH22 yang bercirikan 14 mega piksel, 8x zoom optikal, lensa lebar 28mm dan skrin sentuh 3 inci untuk model FH22; kamera **siri FP** yang bergaya mempunyai lensa 4x zoom optikal dalaman, 12 dan 14 megapiksel bagi kedua-dua FP1 dan FP3, dimana model FP3 mempunyai skrin sentuh LCD 3 inci; **siri TZ** yang meraih populariti seluruh dunia dengan model TZ10 dan TZ8 yang bercirikan lensa 25mm sudut lebar ultra dan 12x zoom optikal; **siri ZR** yang serba boleh dan kompak bercirikan 8x zoom optikal; **siri FT**, model FT2 tahan lasak hibrid yang unik sesuai dijadikan kegunaan aktiviti luar dan akhir sekali, **siri FX** yang direka kompak dengan saiz kecil, **FX68** memaparkan mod kosmetik yang sesuai untuk rakaman portrait seperti di dalam studio. Kesemua model – kecuali model tahap permulaan F2 – bercirikan rakaman video Definisi Tinggi.

“Rangkaian kamera digital Lumix Panasonic bagi tahun 2010 mempamerkan fungsi lanjutan dalam reka bentuk kamera yang lebih kompak tanpa menjejaskan kualiti rakaman gambar dan video. Pengguna boleh bersantai atau mengembara dengan mudah dan bijak dengan ‘*Lumix Fashion Movie Camera*’ Kamera Fesyen Lumix Bergaya,” kata Tony Endoh, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia Sdn Bhd. “Tahun ini, kami mempunyai banyak model kamera terutamanya ZR3 yang membolehkan pengguna merakam gambar sempurna dan filem Definisi Tinggi (*HD*). Kesemua model ‘Kamera Fesyen Lumix Bergaya’ menggunakan format rakaman AVCHD Lite. Format ini boleh merakam dua kali ganda rakaman berbanding format JPEG yang biasa”

“Kami juga ingin mengumumkan kehadiran Kad Memori 64GB dan 48GB SDXC pertama kami. Kad Memori SDXC baru Panasonic ini merupakan kad *GOLD* kapasiti terbesar dengan kelajuan *Class 10* pemindahan data sehingga 22MB sesaat. Ia mempamerkan *Super Intelligent Controller* yang dapat memperbaiki dan memanjangkan ketahanan jangka hayat kad. Pengenalan kepada kad memori terbaru kami akan melengkapkan rangkaian Lumix dan rakaman gambar dan video menggunakan kamkoder.

Kamkoder HD Penuh (*Full HD*) ideal untuk rakaman mudah alih dengan kualiti Definisi Tinggi (*HD*)

Rangkaian kamkoder Definisi Tinggi (*HD*) ‘*high definition*’ memaparkan tiga model kompak dan bergaya, model HDC-HS60, HDC-TM60, HDC-SD60 - sesuai untuk penggunaan yang mudah tanpa menjejaskan kualiti HD. Lima kamkoder Definisi Standard (SD) ‘*standard definition*’ - SDR-H95, SDR-H85, SDR-S50, SDR-T55 dan SDR-T50 yang direka mudah alih, ketahanan tinggi dan mempunyai ciri- ciri yang mengagumkan untuk membantu merakam video kualiti dengan mudah seperti mod Aktif (*mode Active*) untuk fungsi Penstabil Imej Optik [Advanced O.I.S. (*Optical Image Stabilizer*).]

“Barisan model kamkoder dengan *standard* definition untuk tahun 2010 sesuai untuk kesemua pengguna. Ia menawarkan reka bentuk yang kompak, bergaya dan serba boleh dan ciri-ciri mengagumkan termasuk kapabiliti zoom, rakaman mudah, muat naik dan ulang tayang mudah,” kata Tony Endoh, Pengarah Urusan, Panasonic Malaysia Sdn Bhd. Ciri-ciri kesemua model ini memberi pengalaman rakaman video yang mudah dan menyeronokkan” katanya lagi.

Panasonic juga memperkenalkan tiga kamkoder definisi tinggi 1080p yang bersesuaian dengan format kad memori SDXC baru: HDC-HS60, HDC-TM60, dan HDC-SD60. SDXC memberi kapasiti lebih besar dan kelajuan lebih pantas berbanding kad yang berada di pasaran.

Sehingga hari ini, Panasonic mempunyai sejumlah 17 model kamera untuk Lumix, 3 model kamera siri G (sistem kamera) dan 9 model untuk kamkoder.

Model Lumix Terbaru

1. Siri F, DMC-F3 dan DMC-F2

Kamera Digital Bergaya Tahap Permulaan 4x Zoom Optik - F3/ F2

Kamera digital pegun tahap permulaan dengan 4x zoom optikal, F3 (12.1 mega piksel) dan F2 (10.1 mega piksel) mempunyai rekaan sederhana tanpa menjejaskan gaya dan prestasi kamera tersebut. Kedua-dua model bercirikan Mod Pemandangan Auto untuk rakaman gambar yang mudah dan cantik. Kamera ini juga mengaktifkan 3 fungsi bantuan rakaman; Kawalan ISO Pintar (*Intelligent ISO Control*), Pengesan Wajah (*Face Detection*) dan Pemilih Pemandangan Pintar (*Intelligent Scene Selector*). Kawalan ISO Pintar (*Intelligent ISO Control*) mengurangkan kekaburan akibat subjek yang bergerak dengan mengoptimumkan kelajuan *shutter* dan tetapan ISO, untuk mendapatkan imej yang terang dan jelas. Model F3 mempunyai Penstabil Imej Digital (*Digital Image Stabilizer*) yang mengurangkan efek getaran tangan

Lumix DMC-F3

- 12.1 Mega Piksel
- Lensa LUMIX Vario
- LENSASUDUTLEBAR 4x Optikal (28mm-112mm)
- 2.7" LCD Resolusi tinggi 230k titik
- Mod Pemandangan Auto – Pemilih Pemandangan Pintar
- Electronic Image Stabiliser
- MOTION JPEG (HD Video mode 1280 x 720)

Lumix DMC-F2

- 10.1 Mega Piksel
- Lensa LUMIX Vario
- 4x Optikal (33mm-132mm)2.5"
- LCD Resolusi tinggi 230k titik

2. Siri FH, DMC-FH22; DMC-FH20; DMC-FH3 dan DMC-FH1;

FH22/ FH20 – Operasi Mudah dengan Mod Auto Pintar Lanjutan

Siri FH yang merupakan salah satu model dalam barisan siri FX Lumix yang popular, memudahkan pengguna di setiap peringkat umur untuk merakam gambar yang menakjubkan. Kesemua kamera dari model FH bercirikan lensa sudut lebar 28mm dengan optikal zoom 8x atau 5x. Model FH22 dan FH20 dengan 8x zoom optikal menggunakan LCD skrin sentuh LCD Pintar 3.0 untuk FH22 dan LCD Pintar 2.7 untuk FH20.

Lumix DMC-FH22

- 14.1 Mega Piksel
- Lensa LUMIX Vario
- LENSASUDUT LEBAR 8x Optikal (28mm-224mm)
- 3.0" LCD SENTUH Resolusi Tinggi 230k titik
- Auto Pintar – Mega OIS/Pengesan Wajah/ Pemilih Pemandangan Pintar/ISO Pintar
- JPEG BERGERAK (mod Video HD 1280 x 720)

Lumix DMC-FH20

- 14.1 Mega Piksel
- Lensa LUMIX Vario
- Lensa Sudut Lebar 8x Optikal (28mm-224mm)
- 2.7" LCD Resolusi Tinggi 230k titik
- Auto Pintar – Mega OIS/Pengesan Wajah/ Pemilih Pemandangan Pintar/ISO Pintar
- JPEG BERGERAK (mod Video HD 1280 x 720)

Lensa Sudut Lebar 28mm dengan 5x Zoom Optikal – FH3/ FH1

Model FH3/FH1 menggabungkan 2.7 inci LCD 230,000 titik dengan fungsi LCD Pintar, yang boleh mengesan keadaan pencahayaan dan mengawal tahap kecerahan LCD dalam 11 langkah untuk kemudahan melihat paparan di skrin untuk setiap keadaan yang sesuai. Dengan paparan menu yang jelas, menu mudah untuk digunakan untuk setiap peringkat umur, termasuk golongan tua. Pembaharuan lain memberi keseronokkan apabila merakam gambar dengan FH3/FH1.

Lumix DMC-FH3

- 14.1 Mega Piksel
- Lensa LUMIX Vario
- LENSASUDUTLEBAR 5x Optikal (28mm-140mm)
- 2.7" LCD Resolusi Tinggi 230k titik
- Auto Pintar – Mega OIS/Pengesan Wajah/ Pemilih Pemandangan Pintar/ISO Pintar
- JPEG BERGERAK (mod Video HD 1280 x 720)

Lumix DMC-FH1

- 12.1 Mega Piksel
- Lensa LUMIX Vario
- LENSASUDUTLEBAR 5x Optikal (28mm-140mm)
- 2.7" LCD Resolusi Tinggi 230k titik
- Auto Pintar – Mega OIS/Pengesan Wajah/ Pemilih Pemandangan Pintar/ISO Pintar
- JPEG BERGERAK (mod Video HD 1280 x 720)
- Mod Pemandangan Auto – Pemilih Pemandangan Pintar

3. Siri FP, DMC-FP3 dan DMC-FP1

Ultra- Nipis, Reka Bentuk Bergaya FP3 / FP1

Model FP3 dan FP1 dengan reka bentuk ultra nipis, mempunyai lensa 4x zoom optikal (bersamaan 35mm ke 140mm pada kamera 35mm) dengan optik lipatan. Penutup lensa bukan sahaja untuk perlindungan lensa ia juga sebagai suis kuasa (*power switch*) untuk kamera ini. Pengerakan untuk mengeluarkan kamera dan menghidupkan kamera akan menjadi lebih pantas. Penutup lensa FP3 direka khas untuk kelihatan bergaya.

Lumix DMC-FP3

- 14.1 Mega Piksel
- Lensa LUMIX Vario
- 4x Optik (35mm-140mm)
- 3.0" LCD SENTUH Resolusi Tinggi 230k titik
- Auto Pintar – Mega OIS/Pengesan Wajah/ Pemilih Pemandangan Pintar/ISO Pintar
- JPEG BERGERAK (mod Video HD 1280 x 720)

Lumix DMC-FP1

- 12.1 Mega Piksel
- Lensa LUMIX Vario
- 4x Optik (35mm-140mm)
- 2.7" LCD Resolusi Tinggi 230k titik
- Auto Pintar – Mega OIS/Pengesan Wajah/ Pemilih Pemandangan Pintar/ISO Pintar
- JPEG BERGERAK (mod Video HD 1280 x 720)

4. Siri TZ - DMC-TZ10/ TZ8

Zoom Hibrid Photo/Movie DMC-TZ10/ TZ8

Lumix DMC-TZ10

LUMIX DMC-TZ10 adalah model terbaru bagi siri TZ yang telah meraih populariti seluruh dunia. Dengan kebolehan merakam video dalam AVCHD Lite HD, lensa 25 mm sudut lebar ultra dan 12x zoom optikal, digabungkan dalam satu reka bentuk yang kompak untuk apa jua situasi rakaman. Kamera yang mempunyai 12.1 mega piksel ini telah diperbaharui dengan ciri-ciri seperti teknologi Resolusi Pintar (*Intelligent Resolution*), unit GPS (*Global Positioning System*) dan pendedahan manual. Beberapa fungsi menarik untuk rakaman gambar dan video seperti butang rakaman video tersendiri untuk memudahkan operasi kedua-dua mod rakaman.

Lumix DMC-TZ8

Model DMC-TZ8 Panasonic dengan lensa 25mm sudut lebar ultra dan 12x zoom optikal dalam reka bentuk kompak memudahkan pengguna untuk membawa kamera ini kemana-mana jua. Kamera yang mempunyai 12.1 mega piksel ini telah diperbaharui dengan ciri-ciri seperti teknologi Resolusi Pintar (*Intelligent Resolution*), dan pendedahan manual tanpa menjejaskan kemudahan sebagai kamera kecil dan mudah alih.

5. Siri ZR - DMC-ZR3

Kamera Serba Guna dan Kompak DMC-ZR3

Digital kamera siri ZR bercirikan zoom berkuasa dengan reka bentuk nipis dan kompak. Lensa 8x zoom optikal memudahkan untuk merakam gambar jarak dekat walaupun dari jarak yang jauh berbanding dari kamera biasa 'sasar dan rakam'. Selain itu, kuasa zoom boleh ditingkatkan sehingga 10x dengan fungsi Zoom Pintar dari teknologi Resolusi Pintar yang tidak akan menjejaskan kualiti gambar walaupun selepas digabung dengan zoom digital. Fungsi rakaman video AVCHD Lite terbaru memberi kesan 'hibrid' kepada kamera serba boleh ini.

6. Siri FT - DMC-FT2

Kamera Digital Hibrid dengan Ketahanan Tinggi Photo/Movie - DMC-FT2

Nikmati rakaman menakjubkan video HD dengan kemudahan operasi di darat dan dalam air – model FT2 ideal sebagai 'rakan' pengembaraan anda. Penggunaan lasak kamera pertama Lumix – FT1 memaparkan ciri seperti kapabiliti rakaman video AVCHD Lite. FT2 dengan 14.1 mega piksel yang kalis air sehingga paras 10m, kalis gegaran dari ketinggian 2m, tahan sejuk sehingga -10 darjah Celcius dan kalis habuk. Kamera ini juga menggunakan enjin *Venus Engine HD II* yang digabungkan dengan teknologi Resolusi Pintar (*Intelligent Resolution*)

7. Siri FX - DMC-FX68

FX68 – siri FX yang diiktiraf sebagai nipis dan bergaya

Kelajuan *sonic* AF dalam model FX68 ini mempunyai tahap kelajuan terpentas dalam industri ini. Digabung dengan permulaan pantas, menjadikan respon model FX68 terpentas membolehkan rakaman spontan dirakam dengan mudah. LCD Pintar 2.7 inci menyediakan paparan yang jelas dan terang. Jangka hayat bateri membolehkan rakaman gambar sehingga 380 keping dengan pemprosesan imej LSI dengan penjimatan tenaga *Venus Engine VI*.

8. Kamkoder Kompak dan HD-Penuh (Full-HD)

Empat kamkoder dengan *standard definition*, SDR-H85; SDR-S50, SDR-T55 dan SDR-T50 direka untuk kemudahan dibawa kemana-mana, tahan lasak dan berprestasi tinggi. Kamkoder ini mungkin bersaiz kecil tetapi mempunyai ciri-ciri yang menakjubkan: 33mm sudut lebar(*1) dan 78x zoom ultra berkuasa – memberikan kebebasan merakam video pada jarak jauh atau dekat. Model-model kamkoder Panasonic yang mempunyai ciri-ciri untuk membantu kualiti rakaman lebih mudah, termasuk mod Aktif untuk Penstabil Imej Optik Lanjutan (*Advanced O.I.S*), yang boleh membantu mengurangkan efek kabur walaupun zoom dipanjangkan atau apabila pengguna sedang bergerak.

Model SDR-H85, merakam pada cakera keras 80 GB atau pada Kad Memori SDXC, SDHC, atau SD. Model SDR-T50 (4 GB)/T55 (8 GB), menyimpan imej dalam memori sedia-ada atau pada Kad Memori SDXC, SDHC, atau SD. Model SDR-S50 menggunakan media rakaman Kad Memori SDXC, SDHC, atau SD.

Tiga model kamkoder HD-Penuh mempunyai reka bentuk yang kompak dan bergaya dengan 35x zoom dan lensa sudut lebar - HDC-HS60; HDC-TM60, HDC-SD60 dengan resolusi 1920 x 1080, iaitu resolusi *standard* yang paling tinggi dalam pasaran kamkoder HD, sekaligus memberi keseronokkan rakaman video.

9. Kad Memori 64 GB dan 48 GB pertama Panasonic

SDXC merupakan Kad Memori SD generasi baru, dengan tahap lebih tinggi untuk menyimpan data dari 32 GB sehingga 2 terabait. Kad Memori SDXC 64 GB Panasonic mempunyai kapasiti 64 GB yang sangat ideal untuk rakaman video AVCHD Definisi Tinggi (*AVCHD High Definition*), video biasa, atau gambar biasa (*format RAW*).

Kad Memori SDXC 64 GB boleh merakam video dalam mod HA (kualiti video tertinggi) sehingga 8 jam 30 minit apabila digunakan dengan kamkoder terbaru HDC-TM55.

10. Model Lumix dan Warna

- | | |
|-----------------------------|--|
| 1. Panasonic Lumix DMC-TZ10 | perak, hitam, coklat, merah |
| 2. Panasonic Lumix DMC-TZ8 | perak, hitam, |
| 3. Panasonic Lumix DMC-ZR3 | perak hitam,, merah, dan emas |
| 4. Panasonic Lumix DMC-FT2 | perak, biru dan oren |
| 5. Panasonic Lumix DMC-FX68 | perak, hitam, merah jambu, jingga dan emas |
| 6. Panasonic Lumix DMC-FP3 | perak, hitam, merah dan jingga |
| 7. Panasonic Lumix DMC-FP1 | perak, hitam |
| 8. Panasonic Lumix DMC-FH22 | perak, hitam, merah |
| 9. Panasonic Lumix DMC-FH20 | perak, hitam, merah, biru, jingga |
| 10. Panasonic Lumix DMC-FH3 | perak, hitam, merah, biru, merah jambu, |
| 11. Panasonic Lumix DMC-FH1 | perak, hitam, biru, merah jambu, oren |
| 12. Panasonic Lumix DMC-F3 | perak, hitam, merah jambu |
| 13. Panasonic Lumix DMC-F2 | perak, hitam, merah jambu |

11. Model Kamkoder dan Warna

- | | |
|---------------------------------|--|
| 1. Panasonic Camcorder SDR-H85 | hitam, perak, merah, biru |
| 2. Panasonic Camcorder SDR-T55 | hitam |
| 3. Panasonic Camcorder SDR-T50 | hitam, biru, emas |
| 4. Panasonic Camcorder SDR-S50 | hitam, emas, merah, merah jambu, putih |
| 5. Panasonic Camcorder HDC-HS60 | hitam, perak |
| 6. Panasonic Camcorder HDC-TM60 | hitam, perak, merah, merah jambu, emas |
| 7. Panasonic Camcorder HDC-SD60 | hitam, perak, merah, merah jambu, emas |

12. Kad Memori SDXC

1. Kad Memori SDXC RP-SDW64GG1K (64 GB)
2. Kad Memori SDXC RP-SDW48GG1K (48 GB)

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Simone Pan
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 6945966
Emel: simone.pan@my.panasonic.com

###